

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Adakah peruntukan ini berkesan menambah bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan apakah angkanya.

69

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang baik dapat disediakan kepada rakyat di seluruh negara.

2. Usaha dan inisiatif yang dijalankan telah dilaksanakan melalui pelbagai agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

3. Bagi negeri Sarawak, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan memberi pelbagai bantuan serta subsidi kepada industri pengangkutan awam, antaranya:

- (i) penyaluran Dana Sokongan Sementara Bas Henti-Henti (ISBSF) kepada pengusaha bas berhenti-henti bagi memastikan rakyat terutama di laluan sosial dapat terus mempunyai akses kepada perkhidmatan tersebut;
- (ii) pemberian subsidi bagi penggantian empat biji tayar kepada pemandu teksi melalui program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma);

- (iii) menyediakan Skim Perlindungan Murid Di Dalam Bas Sekolah (SPMBS) bertujuan untuk meningkatkan piawaian perkhidmatan industri bas sekolah di samping membantu kanak-kanak sekolah dan keluarga mereka apabila kemalangan yang tidak diingini berlaku;
- (iv) Mengecualikan cukai jalan untuk kenderaan teksi; dan
- (v) Pemberian subsidi diesel kepada pengusaha bas berhenti-henti, bas ekspres dan lori perdagangan yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

4. Dalam perkembangan terkini, pada minggu lalu, Kerajaan telah menandatangani perjanjian bernilai RM241juta bagi tempoh 5 tahun untuk pelaksanaan program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) di Sarawak.

5. Program SBST ini akan menyaksikan 130 buah bas baru yang dilengkapi dengan sistem tiket elektronik, GPS, CCTV dan mesra OKU akan beroperasi di 27 laluan bas meliputi kawasan di bawah Majlis Bandar raya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Perbadaran Padawan (MPP) dan Majlis Daerah Samarahan.

Sekian, terima kasih.